

DZULKARNAIN ZAINAL

Dan

EMMA HAMBALI

[Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan, YAA Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar (Pengerusi), YA Dato' Haji Mohd Amran bin Mat Zain (Ahli Panel) dan YA Dato' Haji Hussin bin Haji Harun (Ahli Panel), Pada 14 September 2022 / 17 Safar 1444H]

Permohonan Lanjut Tempoh Memfailkan Semakan: No. 05000-077-0015-2021 [Seksyen 238 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003]

Peguam Pemohon: Tiada

Peguam Responden : Tiada

ALASAN PENGHAKIMAN

[1] Ini adalah suatu permohonan untuk mendapatkan kebenaran pelanjutan tempoh masa memfailkan Semakan terhadap Kes Permohonan Pengesahan dan Pendaftaran Nikah kes mal No. 05200-012-0084 yang telah diputuskan oleh **YA Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan pada 2/11/2016.**

[2] Permohonan ini difailkan oleh Pemohon pada 1/11/2021 akibat kegagalan memfailkan Semakan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Permohonan ini dibuat dengan merujuk kepada Seksyen 238 Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 berkaitan bidangkuasa Mahkamah untuk memanjang atau memendekkan sesuatu tempoh masa iaitu:-

Seksyen 238 - Memanjangkan Atau Memendekkan Masa

- (1) *Mahkamah boleh, atas apa-apa terma yang difikirkannya adil, melalui perintah, melanjutkan atau memendekkan tempoh yang dalamnya seseorang dikehendaki atau dibenarkan oleh Akta ini atau oleh mana-mana penghakiman, perintah atau arahan untuk melakukan apa-apa perbuatan dalam mana-mana prosiding.*
- (2) *Mahkamah boleh melanjutkan apa-apa tempoh yang disebut dalam subseksyen (1) walaupun permohonan untuk mendapatkan pelanjutan itu tidak dibuat sehingga selepas habis tempoh itu.*

[3] Berdasarkan Arahan Amalan Mahkamah Syariah No. 7 Tahun 2014, mana-mana permohonan semakan hendaklah dibuat dalam **tempoh 30 hari dari tarikh keputusan** dikeluarkan oleh Mahkamah kecuali ianya dibenarkan oleh Mahkamah yang lebih tinggi. Arahan Amalan Mahkamah Syariah tersebut menyatakan-

Arahan Amalan No. 7 Tahun 2014

Peraturan Semakan Kes Di Mahkamah Tinggi Syariah Atau Di Mahkamah Rayuan Syariah

“Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Tahun 2014 pada 3 dan 4 Muharram 1436H bersamaan 27 hingga 28 Oktober telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung dengan peraturan semakan kes di Mahkamah Tinggi Syariah atau di Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah mengikut peraturan seperti berikut:

1. *Permohonan semakan boleh dibuat ke atas kes mal atau jenayah sama ada kes yang dalam prosiding atau yang telah diputuskan.*

2. *Permohonan semakan kes oleh pihak-pihak hendaklah dibuat melalui Notis Permohonan bersama dengan Afidavit kecuali permohonan Hakim Syarie.*

3. *Senarai kriteria (bentuk-bentuk) kes yang boleh dibuat melalui permohonan semakan adalah ;*

- i. *Perintah / Penghakiman / Keputusan yang didapati bercanggah dengan nas Al-Quran / Al-Sunnah / Ijma' atau Qias seperti tempoh iddah tiga kali suci ketika isteri mengandung yang sepatutnya hingga melahirkan anak.*
- ii. *Perintah / Penghakiman / Keputusan yang didapati bercanggah dengan peruntukan undang-undang sedia ada seperti menjatuhkan hukuman penjara melebihi tempoh yang ditetapkan oleh Akta / Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah.*
- iii. *Kesilapan /kekhilafan oleh Hakim Bicara yang bersifat teknikal seperti kesilapan penulisan atau catatan bicara, kesilapan membuat rujukan prosedur dan undang-undang keterangan seperti perintah penyampaian gantian secara iklan dilaksanakan oleh pihak Defenden.*
- iv. *Apabila hukuman yang diputuskan oleh seseorang Hakim Syarie semata-mata berdasarkan pengetahuannya mengenai fakta kes tersebut tanpa sebarang bukti yang lain, kemudian ternyata bahawa perkara tersebut tidak jelas.*
- v. *Apabila ternyata kepada pihak Hakim Syarie mengenai kesilapan yang berlaku disebabkan keterangan atau pengakuan yang diberikan oleh kedua belah pihak.*

4. *Jika kes telah diputuskan atau keputusan akhir suatu isu yang berbangkit di dalam prosiding pendengaran kes telah dibuat (lazimnya melalui prosiding interlokutori atau bantahan) proses rayuan hendaklah digunapakai.*

5. *Jika kes telah diputuskan, dibangkitkan persoalan telah berlaku kecacatan dalam proses perbicaraan atau keputusan Hakim Bicara secara material bercanggah dengan undang-undang atau Hukum Syarak, maka proses semakan boleh dilaksanakan.*

6. *Jika kes belum diputuskan, isu berbangkit adalah berkaitan dengan tatacara pengurusan kes, tatacara prosiding perbicaraan ataupun isu-isu melibatkan tatacara berkaitan keterangan, proses semakan boleh dilaksanakan.*

7. *Suatu keputusan terhadap permohonan interim boleh disemak jika berkaitan isu-isu sebagaimana perenggan (5).*

8. *Semakan oleh Hakim Bicara apabila menyedari telah melakukan kekhilafan dalam prosiding kes yang dikendalikan tau keputusan yang telah dikeluarkan.*

9. *Arahan semakan oleh Mahkamah Atasan terhadap kes di Mahkamah Bawahan.*

10. *Keputusan / perintah oleh Mahkamah Rayuan Syariah tidak boleh disemak oleh Mahkamah yang sama atau Panel Rayuan Syariah yang berlainan kerana tidak ada bidang kuasa. Rujukan boleh dilihat sebagaimana yang diputuskan di dalam kes Siti Nurhayati Binti Mohd Daud lwn. Wan Shahrman Bin Wan Suleiman dan seorang lagi [1434] JH 36 BHG.2 hlm. 84-96 dan Wan Khairani Binti Mahmood lwn. Ismail Bin Mohamd [1434] JH 36 BHG.2 hlm. 140-149.*

11. ***Permohonan semakan hendaklah dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh keputusan kecuali dibenarkan oleh Mahkamah yang lebih tinggi”***

Arahan Amalan No. 13 Tahun 2003 adalah dibatalkan.

Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai 31 Disember 2014.

[4] Sukacita kami nyatakan bahawa banyak penghakiman telah diputuskan berhubung dengan permohonan perlanjutan tempoh masa Garis panduan tersebut telah diberikan oleh Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Selangor dalam kes *Sharifah Badariah Bt. Mari lwn. Yasran b. Hj. Hussain [2012]JH34(2)* di mana Panel Rayuan berkenaan telah menggariskan beberapa faktor yang perlu diberi pertimbangan sebelum membenarkan sesuatu permohonan di bawah seksyen 238 tersebut, iaitu:-

- i. Tempoh kelewatan;
- ii. Sebab kelewatan;
- iii. Kebarangkalian untuk Pemohon berjaya dalam rayuannya;
- iv. Tahap prejudis kepada pihak yang satu lagi

Faktor Tempoh Kelewatan

[5] Berdasarkan kepada Arahan 11, Arahan Amalan No. 7 Tahun 2014, Pemohon hendaklah memfailkan Permohonan Semakan dalam masa 30 hari dari tarikh penghakiman diberikan oleh Mahkamah Tinggi Syariah. Sekiranya tempoh 30 hari telah luput, Pemohon perlu mendapat kebenaran daripada Mahkamah ini sebelum Permohonan Semakan boleh difailkan.

[6] Melalui Afidavit Sokongan, kami dapati bahawa permohonan ini dibuat setelah berlalunya masa untuk memfailkan semakan iaitu selepas lebih kurang 4 tahun 11 bulan dari tarikh akhir pemfailan semakan (dari tarikh **2/12/2016**).

Faktor Sebab Kelewatan.

[7] Berdasarkan Afidavit Sokongan, Pemohon tidak menyatakan secara terperinci mengapa Notis semakan lewat difailkan oleh Pemohon. Walau bagaimanapun di peringkat penghujahan Pemohon telah menyatakan bahawa Pemohon dan Responden tidak sedar/tahu mengenai tempoh masa 30 hari untuk mereka memfailkan Notis Semakan atas sebab mereka tidak sedar akan kesilapan tarikh pada Penghakiman dan sijil nikah dan mereka tidak pernah diwakili oleh mana-mana peguamcara dan peguam bela syarie sebelum ini.

Faktor Kebarangkalian untuk Pemohon berjaya di dalam semakan.

[8] Berhubung dengan faktor kebarangkalian untuk Pemohon berjaya di dalam semakan, kami dapati bahawa isu yang mahu dikemukakan oleh Pemohon di dalam permohonan semakan nanti adalah berkenaan kecacatan dengan perkara teknikal iaitu kesalahan pada perintah mahkamah yang mencatat tahun pernikahan yang disahkan adalah pada tahun 2012 dan bukannya 1995.

[9] Oleh kerana kesilapan tersebut pada hemat Pemohon adalah satu kesilapan yang tidak disengajakan oleh mana-mana pihak maka kebarangkalian untuk semakan dibenarkan adalah tinggi.

[10] Pada hemat kami kesilapan ini adalah fatal kerana akan mengakibatkan status kesahatarafan anak dan hanya boleh dibetulkan melalui proses semakan kes.

[11] Sayyidina Umar al-Khattab dalam warkahnya kepada Abu Musa al-Asy'ari telah menyatakan bahawa menyemak semula keputusan untuk mencari kebenaran adalah lebih baik dari berkekalan di dalam kebatilan sebagaimana yang dinukilkan di dalam Kitab *I'lam al-Muwaqqi'in* seperti berikut;-

مراجعة الحق خير من التماس في الباطل

[12] Kami sekali lagi menyatakan bahawa perlanjutan sesuatu tempoh masa untuk melakukan sesuatu di dalam undang-undang merupakan kuasa budi bicara kami. Walaupun telah ada panduan yang telah dijelaskan di dalam penghakiman Mahkamah terdahulu, namun ianya adalah sebagai panduan semata-mata dan kami tidaklah terikat dengan ketat untuk memenuhi kesemua faktor-faktor yang dinyatakan di dalam panduan tersebut.

[13] Berdasarkan ulasan-ulasan tersebut, kami berpuashati bahawa Pemohon telah menunjukkan kepada kami bahawa permohonan ini wajar dibenarkan demi kepentingan keadilan. Kami berpuas hati bahawa wujudnya keadaan khas yang akan memberikan keadilan kepada kedua-dua pihak di dalam kes ini.

KEPUTUSAN

SETELAH meneliti Notis Permohonan, Afidavit-afidavit DAN penghujahan yang telah difailkan, MAKA KAMI sebulat suara memutuskan dan memerintahkan sebagaimana yang berikut:-

- 1) Permohonan Pemohon untuk lanjutan tempoh masa memfailkan Permohonan Semakan ini DILULUSKAN.
- 2) Permohonan Semakan hendaklah difailkan dalam tempoh 30 hari mulai hari ini.

Dibaca dan ditandatangani oleh:




.....
1. **YAA DATO' SETIA DR. HJ. MOHD NAI'M BIN HJ. MOKHTAR**
Pengerusi Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan

Dipersetujui oleh:



.....
2. **YA DATO' HJ. MOHD AMRAN BIN HJ. MAT ZAIN**
Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan

Dipersetujui oleh:



.....
3. **YA DATO' HJ. HUSSEN BIN HARUN**
Panel Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Sembilan